



Anwar beramah mesra dengan jemaah selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Bandar Teknologi Kajang, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

'Tiada syarat sokong Perdana Menteri'

Anwar tegaskan perbincangan tumpu kepentingan kerajaan stabil, pertumbuhan ekonomi

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kajang: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, tiada ketetapan mengenai sokongan kepada kepimpinan beliau sebagai Perdana Menteri, dijadikan syarat bagi tujuan penyaluran peruntukan pembangunan kepada Ahli Parlimen pembangkang, yang sudah dipersetujui secara dasarnya oleh kerajaan.

Sebaliknya, Perdana Menteri menegaskan, syarat yang ditetapkan bagi tujuan penyaluran peruntukan yang dibincangkan adalah tertumpu supaya kepentingan kerajaan yang stabil dan fokus terhadap pertumbuhan ekonomi yang menjamin keamanan dan kestabilan.

Bagaimanapun, beliau berkata, perincian mengenai syarat terbabit akan diumumkan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Seri Fadillah Yusof, kelak.

"(Perincian syarat bagi peruntukan pembangunan Ahli Parlimen pembangkang) kita bagi mandat kepada Fadillah dan jawatankuasa.

"Tiada syarat supaya sokong Perdana Menteri seperti ditohmah pembangkang. Perbinca-

BERITA HARIAN 20 APR 2024

ngan (sebaliknya) supaya kerajaan stabil dan kita tumpu kepada pertumbuhan ekonomi yang menjamin keamanan dan kestabilan.

"Ini yang biasa, kita rangkul...yang terperinci mereka boleh bincang," katanya pada sidang media selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Bandar Teknologi Kajang, di sini semalam.

Media sebelum ini, melaporkan Majlis Pimpinan Tertinggi Sekretariat Kerajaan Perpaduan yang dipengerusikan oleh Anwar yang bermesyuarat pada petang Rabu lalu, pada dasarnya bersetuju mempertimbangkan bagi menyalurkan peruntukan kepada Ahli Parlimen pembangkang.

Rundingan seterusnya

Fadillah dilaporkan berkata, susulan keputusan mesyuarat itu, satu draf memorandum persefahaman (MoU) akan dirangka terlebih dahulu untuk dipanjangkan kepada pihak pembangkang sebagai langkah untuk rundingan seterusnya.

Pada 19 Mac lalu, tiga pemimpin Perikatan Nasional (PN) diketuai oleh Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin; Ketua Whip Perikatan Nasional (PN), Datuk Seri Takiyuddin Hassan dan Naib Presiden BERSATU, Datuk Seri Dr Ronald Kian-dee, mengadakan pertemuan dengan Fadillah membincangkan isu berkenaan di Parlimen.

Dalam pertemuan itu, pembangkang meminta kerajaan mengemukakan cadangan rasmi berhubung peruntukan sama rata untuk Ahli Parlimen pembangkang iaitu RM3.8 juta setahun, iaitu pendekatan yang digunakan ketika pentadbiran Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebagai

Perdana Menteri.

Ketika mengulas pengumuman persetujuan dasar oleh Fadillah itu, Hamzah berkata, PN akan meneliti terlebih dahulu semua syarat yang terdapat dalam draf MoU yang sedang dirangka Kerajaan Perpaduan itu sebelum membuat sebarang keputusan mengenainya.

"PN menyambut baik keputusan yang dibuat kerajaan bagi memberikan peruntukan kepada wakil rakyat pembangkang.

"Bagaimanapun, selaku pembangkang, PN akan membuat keputusan selepas meneliti terlebih dahulu syarat dalam draf MoU yang sedang disiapkan itu," katanya.

Isu peruntukan untuk pembangkang berlarutan sejak setahun lalu juga menyaksikan setakat ini, sudah enam Ahli Parlimen dan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) PN daripada BERSATU, mengambil pendirian mengemukakan sokongan terbuka kepada kepimpinan Anwar.

Mereka berbuat demikian atas alasan mahu menikmati peruntukan pembangunan sebagai Ahli Parlimen bagi memudahkan usaha menyediakan perkhidmatan kepada pengundi kawasan masing-masing.

Tindakan mengemukakan sokongan demi mendapatkan peruntukan itu dibantah blok pembangkang yang menuntut supaya dana berkenaan disalurkan tanpa sebarang syarat.

Peruntukan untuk pembangkang itu juga diperjuangkan wakil kerajaan, khususnya Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Karim, yang percaya penyaluran dana itu mampu mententeramkan politik kebencian dan membawa suasana lebih kondusif untuk kerajaan dan pembangkang di dalam dan luar Parlimen.